

19/05/1999

Wanita harap lebih ramai calon diketengahkan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Wanita Umno mahu pucuk pimpinan parti menimbangkan kemungkinan memberi peluang kepada lebih ramai anggotanya sebagai calon dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata semua ketua Wanita negeri sudah diarah mengenal pasti serta mengumpulkan senarai nama calon yang layak diberi pertimbangan untuk dikemukakan kepada parti.

"Kita mempunyai ramai calon yang layak, sama ada dari segi kelulusan akademik, kebolehan atau kewibawaan untuk bertanding," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu di sini hari ini.

Menurutnya, Ketua Wanita Umno negeri masih mengumpul maklumat senarai calon yang sesuai untuk diserahkan kepadanya.

Pada masa yang sama, Wanita Umno juga meneliti prestasi wakil rakyat di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang layak mempertahankan kerusi masing-masing atau dicadang digugurkan pada pilihan raya akan datang.

"Senarai nama yang diterima akan diteliti sebelum diserahkan kepada pucuk pimpinan parti.

"Calon yang sesuai memang ramai kerana Wanita Umno sekarang dianggotai ramai golongan profesional serta berkebolehan," katanya.

Dr Siti Zaharah bagaimanapun mengaku, soal menambah calon wanita bergantung kepada pucuk pimpinan parti, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Mengenai kemungkinan Exco Wanita menemui Dr Mahathir bagi membincangkan perkara itu, beliau berkata mereka akan bersama Perdana Menteri dalam satu program makan malam tidak lama lagi.

Mengenai desas-desus rombakan Kabinet yang dikatakan akan berlaku dalam tempoh terdekat ini, Dr Siti Zaharah berkata pihaknya memang berharap Wanita Umno diberi tambahan wakil untuk menganggotai Kabinet.

"Kita berdoa dan menyerahkan kepercayaan kepada Perdana Menteri untuk menentukan sama ada Wanita layak diberi tambahan (jawatan) melalui rombakan itu nanti," katanya.

(END)